

Sultan Johor, D. Mahathir sepakat berkomunikasi sesama mereka

# BERTERUS TERANG



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

## Simbolik penamat persepsi negatif

UM  
12/1/2019  
mb: 7

**KUALA LUMPUR 11 Jan.** - Pertemuan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam merupakan simbolik yang menamatkan pelbagai persepsi negatif mengaitkan kedua-dua pemimpin itu.

Pertemuan yang berlangsung selama satu setengah jam itu bukan sahaja dianggap penting, malah penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), **Prof. Dr. P. Sivamurugan** melihatnya sebagai satu manifestasi kepada hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Istana Johor kekal baik.

"Saya rasakan secara simbolik kita melihat selepas pertemuan itu, kedua-dua mereka menunjukkan kemesraan yang barangkali untuk menamatkan sebarang spekulasi ke atas hubungan mereka sebelum ini yang mempunyai perbezaan daripada sudut pandangan.

"Sehubungan itu, pertemuan empat mata tersebut juga memberikan gambaran bahawa hubungan antara Istana Johor dan Kerajaan Pusat kekal baik," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pertemuan Dr. Mahathir

yang mendedahkan bahawa kedua-dua mereka bersetuju untuk bercakap secara terus terang antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, butiran perbincangan tidak didedahkan dan hanya menjadi rahsia antara kedua pemimpin itu.

Ditanya mengenai desas-desus pemilihan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong selepas pertemuan itu nanti, Sivamurugan menolak dakwaan itu kerana katanya, mengikut tradisi sistem penggiliran selepas ini ialah Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Sementara itu, Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, **Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri** berkata, sebarang isu yang melanda antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu diselesaikan secara damai tanpa sebarang pertelingkahan.

"Sebarang salah faham yang dibawa oleh orang ketiga perlu dihapuskan dan biarlah isu pentadbiran diselesaikan oleh mereka yang berkuasa, bukan mereka yang tidak terlibat.

"Ini juga menunjukkan pentingnya komunikasi secara terus supaya segala perancangan untuk kebaikan boleh dilaksanakan dengan jayanya," ujar beliau.